

08/01/2004

Dr Mahathir sambut baik pelantikan

PUTRAJAYA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyambut baik keputusan pelantikan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Saya gembira untuk (Datuk Seri) Najib," katanya di sini, semalam.

Kenyataan beliau berhubung pelantikan Najib menjawat jawatan nombor dua dalam kepimpinan kerajaan dibuat menerusi seorang pegawai khas Dr Mahathir. Bekas Perdana Menteri berada di pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad mengumumkan pelantikan Najib selain melakukan perubahan kepada beberapa portfolio jemaah Menteri di Jabatan Perdana Menteri selepas mesyuarat Kabinet tengah hari semalam.

Najib juga mengekalkan jawatan sebagai Menteri Pertahanan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin bertukar portfolio sebagai Menteri Pertanian manakala Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna.